

81



MAJLIS BANDARAYA IPOH

ARAHAN PERBENDAHARAAN BIL. 14/2015

Fail Bil. (61) dlm. MBI. B1/12/1/12

Jabatan Perbendaharaan
Majlis Bandaraya Ipoh

28 Ogos 2015

**Setiausaha Bandaraya
Pengarah Kanan (T/W) / (P/B) / (I/O)
Semua Ketua Jabatan / Bahagian / Unit
Majlis Bandaraya Ipoh**

Tuan / Puan,

PERMOHONAN PENGETUARAN BARANGAN STOK DI STOR UNIT (PTJ)

Dengan segala hormatnya saya memohon perhatian tuan/puan kepada perkara di atas.

2. Berhubung dengan perkara ini, adalah dimaklumkan bahawa pengeluaran stok hanya boleh dikeluarkan ke atas pemesanan dengan kebenaran Pegawai Stor dan seorang pegawai melulus yang diberi kuasa secara bertulis oleh Ketua Jabatan.

3. Sehubungan itu, merujuk kepada **Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2009 (Tatacara Pengurusan Stor Kerajaan)** di bawah Bab D – Pengeluaran, telah dinyatakan bahawa:-

Para 143	Semua pesanan kepada Stor Unit hendaklah menggunakan Borong Permohonan Stok (BPS) KEW.PS-11. (Borang tersebut boleh di dapat di Stor Utama Alat Tulis Pentadbiran)
Para 144	KEW.PS-11 hendaklah disediakan oleh pemohon dalam dua (2) salinan.
Para 145	Satu (1) salinan disimpan oleh pemohon dan satu (1) salinan dikemukakan kepada stor unit.
Para 146	Pegawai Stor hendaklah mengambil tindakan ke atas KEW.PS-11 yang diterima seperti berikut:- <ol style="list-style-type: none">Mendaftarkan KEW.PS-11 dan memberi nombor permohonan;Menentukan kuantiti pengeluaran;Mendapatkan kelulusan pengeluaran (daripada pegawai pelulus stor PTJ yang dilantik); danMencatatkan pengeluaran di Kad Petak.

.... /2

ARAHAN PERBENDAHARAAN BIL. 14/2015

PERMOHONAN PENGETAHUAN BARANGAN STOK DI STOR UNIT (PTJ)

4. Pemakaian Arahan Kewangan ini adalah berkuatkuasa serta-merta dan Pegawai Stor Unit (PTJ) yang dilantik perlulah mematuhi arahan tersebut sebelum stok dikeluarkan.

5. Kerjasama dan perhatian tuan/puan berhubung penguatkuasaan arahan kewangan ini amatlah dihargai.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

“PEMBUDAYAAN INOVASI, PEMANTAPAN PRESTASI”

Saya yang menurut perintah,

(DATO' ZANRI BIN MAN)
Datuk Bandar Ipoh



“KONTINUITI INOVASI MELESTARI INSANI BERVISI”